



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	15/12/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

JPNK, PBT perlu jalin kerjasama

Kerjasama bagi sediakan kemudahan Taman Eko Rimba Bukit Wang

ROSHILA MURNI ROSLI

JITRA

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) perlu menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha membangunkan kemudahan di Taman Eko Rimba Bukit Wang.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kerjasama antara JPNK dan Pejabat Daerah Kubang Pasu serta Majlis Perbandaran Kubang Pasu akan melancarkan operasi dan penyediaan kemudahan di Taman Eko Rimba itu.

Katanya, kerajaan negeri berhasrat menjadikan Taman Eko Rimba di negeri itu antara produk pelancongan menarik.

"Kekangan kita ialah kemudahan yang perlu disediakan bukan sahaja untuk keselesaan pengun-

jung malah keselamatan mereka.

"Kita mahu mengelakkan insiden di kawasan hutan itu," katanya selepas merasmikan Kejohanan Bola Sepak U9 & U11 Piala ADUN Jitra di Stadium Mini Jitra di sini semalam.

Sebelum ini, tinjauan *Sinar Harian* di kawasan terbabit mendapati medan selera di situ belum beroperasi walaupun premis itu siap dibina selain tandas tiada bekalan air.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Padang Panjang, Muhamad Sahabudin Senawi, 51, berharap semua pihak yang bertanggungjawab dapat menjalankan kerja-kerja menaik taraf medan selera supaya boleh beroperasi dengan

kadar segera.

"Medan selera ini satu keperluan di kawasan rekreasi seperti ini. Setakat ini hanya ada beberapa peniaga yang berniaga secara kecil-kecilan di tapak letak kereta," katanya.


Seorang pengunjung dari Klang, Mohd Najib Kariman, 31, berkata, dia serta keluarga kecewa dengan kemudahan asas yang kurang selesa dan tidak mesra pengunjung.

Katanya, kawasan rekreasi itu mempunyai pemandangan indah dan memberi pengalaman menarik terutama kepada pelancong.

"Sayangnya tempat tukar pakaian tidak selesa, sukar mendapatkan kedai makan dan semuanya terpaksa bawa dari rumah," katanya.



Muhamad Sahabudin menunjukkan medan selera yang masih belum beroperasi di Taman Eko Rimba Bukit Wang.



Mukhriz (dua dari kiri) menyerahkan sijil kepada wakil SBI FC dari Sungai Petani semalam.